



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD.
SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

BAGI

**MAJLIS PENYERAHAN PADANG BOLA
SEPAK DBKL 2 BANDAR TUN RAZAK**

**JALAN BUDIMAN (OFF JALAN ADIL),
BANDAR TUN RAZAK WP KUALA LUMPUR**

**5 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)
JAM 9.00 PAGI**

Salutasi (Akan diberikan pada hari kejadian)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd dan Syarikat Sinerjuta Sdn Bhd kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis penyerahan padang bola

sepak kedua di parlimen Bandar Tun Razak ini.

3. Padang bola sepak yang dibina berhampiran Perumahan PPR Seri Labuan ini bertujuan tidak lain dan tidak bukan adalah bagi menambahkan lagi kemudahan rekreasi buat penduduk-penduduk di Bandar Tun Razak ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Pemaju Aset Kayamas telah membantu menaik taraf kualiti hidup penduduk di Bandar Tun Razak. Padang Bola Sepak DBKL 2 Bandar Tun Razak ini adalah Padang gantian ke-2 di Bandar Tun Razak susulan dari Padang Bola Sepak Bandar Tun Razak yang pertama yang dibina pada tahun 2016 oleh pihak pemaju Kumpulan Aset Kayamas Sdn.

Bhd. dengan kerjasama syarikat bersekutunya Sinerjuta Sdn. Bhd.

5. Padang bola pertama merupakan padang rumput sentatik manakala padang bola kedua ini adalah padang rumput benar jenis “Cow Grass” dan turut disediakan sistem pengairan untuk penjagaan rumput. Padang bola sepak berpagar ini dibina mengikut saiz standard FIFA.

6. Pembinaan padang bola sepak kedua ini adalah projek CSR pihak Kumpulan Aset Kayamas sebagai gantian untuk tapak tanah di Jalan Jujur yang telah dibangunkan sebagai RESIDENSI WILAYAH dan sebagai apartmen harga bebas.

7. Tapak lama Jalan Jujur ini telah mendapat kelulusan untuk membina 4 blok pangsapuri. Dua daripadanya adalah Residensi Wilayah Residensi Razakmas 2 yang merupakan skim perumahan mampu milik di bawah Wilayah Persekutuan sebanyak 828 unit.
8. Projek RESIDENSI WILAYAH ini adalah bersaiz 800 kaki persegi mempunyai 3 bilik tidur, 2 bilik air dan 1 tempat letak kereta berbumbung dengan harga jualan RM198,000.00.
9. Pihak pemaju juga akan membuat penyambungan Jalan Budiman terus ke MRR2 yang telah mendapat kelulusan pihak DBKL. Pembinaan ini yang dibiayai penuh oleh pihak Pemaju yang dianggarkan bernilai RM3juta. Dengan adanya jalan baru ini nanti, akan

memberikan kesenangan kepada penduduk Bandar Tun Razak khususnya.

10. Melalui program RESIDENSI WILAYAH, Aset Kayamas telah pun siap dibina dan diserahkan kepada pembeli dengan jumlah 5,820 unit iaitu Residensi Pandanmas, Residensi Pandanmas 2, Residensi Sentulmas, Residensi Puchongmas, Residensi Razakmas, Residensi Gurneymas dan Residensi Jalilmas.

11. Manakala pada tahun ini sebanyak 1,955 unit lagi akan siap dibina melibatkan pembangunan Residensi Kepongmas berjumlah 1,514 unit yang dijangka akan diserahkan kunci pada bulan Oktober ini. Manakala Residensi Wangsammas yang melibatkan 441 unit akan diserahkan kunci pada hujung bulan ini. Ini menunjukkan dedikasi dan

komitmen Pemaju dalam usahasama menjayakan program Residenasi Wilayah dan merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik untuk semua.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Di kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua kerana terus menggembleng tenaga untuk memastikan hasrat kerajaan memberikan perkhidmatan dan keselesaan kepada rakyat akan terus dilaksanakan dengan jayanya.

13. Saya berharap agar padang bola sepak baru ini akan memberikan impak positif kepada rakyat

keseluruhannya terutama kepada penduduk untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti sukan dan rekreasi.

14. Justeru itu, saya menyeru hadirin sekalian yang hadir pada hari ini dan rakyat Malaysia secara amnya supaya menyokong segala usaha baik dan inisiatif kerajaan ini ke arah mencapai matlamat yang telah kita rancang bersama.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya melancarkan Majlis Perasmian Padang Bola Sepak Bandar Tun Razak pada hari ini. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.